

Hubungan ekonomi dua negara diperkukuh

um- 27/2/2007

Daripada ZULKEFLI HAMZAH



DAMSYIK 26 Feb. - Hubungan ekonomi Malaysia dan Syria yang kini disifatkan sebagai perlahan diperkukuhkan apabila pemimpin tertinggi kedua-dua buah negara bersetuju untuk mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) yang pertama di sini Mei ini.

Kesepakatan itu dicapai pada pertemuan dua hala Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan pemimpin tertinggi Syria di sini hari ini yang kemudiannya disusuli dengan memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk membentuk Jawatankuasa Bersama Ekonomi.

Abdullah yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Syria hari ini mengadakan pertemuan secara berasingan dengan Presiden Dr. Bashar Al-Assad, Naib Presiden, Farouq Al-Shara dan Perdana Menteri, Mohd. Naji Otri.

Perdana Menteri pada sidang akhbar bersama dengan Mohd. Naji selepas menyaksikan majlis menandatangani enam MoU dan perjanjian berkata, beliau gembira kejayaan pertemuan bilateral dengan para pemimpin Syria yang telah memutuskan pelbagai program.

Walaupun menyifatkan kunjungannya sebagai singkat tetapi Abdullah berkata, ia sangat produktif kerana matlamatnya ke Syria ialah mencari jalan bagaimana kedua-dua buah negara

ra dapat memperluaskan hubungan dua hala. "Insya-Allah kita akan dapat mencapai objektif terutama apabila kita telah memutuskan untuk mengadakan mesyuarat pertama JCM Malaysia-Syria pada Mei ini. Selain itu Jawatankuasa Ekonomi telah dibentuk bagi memastikan fokus diberikan kepada kerjasama ekonomi," katanya.

Turut mengiringi lawatan Abdullah ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut mengalu-alukan penyertaan aktif masyarakat perniagaan Malaysia-Syria dalam merealisasikan kejayaan projek yang telah mereka kenal pasti.

"Saya berpendapat kejayaan kerjasama bilateral bergantung kepada respons dan penyertaan aktif masyarakat perniagaan Malaysia-Syria menajayakan setiap projek," jelasnya.

Selain MoU membentuk Jawatankuasa Bersama Ekonomi, MoU dan perjanjian lain yang ditandatangani ialah pembinaan jalan lingkaran tengah Damsyik dan mengelakkan cukai dua kali.

- Utusan

ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Dr. Bashar Al-Assad di Istana Qasir Al Shaab ketika lawatan rasmi tiga hari beliau ke Syria di Damsyik, semalam.